

# Warga emas berusia 107 tahun terharu dapat rumah baharu

BATU PAHAT 15 Mac - Seorang warga emas berusia 107 tahun tidak dapat menahan air matanya daripada menitis kerana terharu dengan usaha Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama UMNO Bahagian Ayer Hitam yang membina sebuah rumah baharu untuknya di Parit Haji Ali, Parit Botak di sini semalam.

Makfoz Sidik mendapat rumah baharu yang dibina hasil sumbangan pelbagai pihak termasuk sukarelawan mahasiswa UTHM selepas kediaman asalnya terbakar pada 2010.

Menurut Makfoz, dia amat berterima kasih kerana ramai pihak yang menghulurkan bantuan seperti wang dan tenaga bagi menyiapkan rumah tersebut.

"Saya seronok kerana rumah baharu ini sudah siap dan boleh diduduki. Selepas rumah lama terbakar, saya merasakan tidak akan dapat menginap di rumah sendiri lagi selepas itu.

"Tetapi hasil kerja semua pihak termasuk penderma, mahasiswa UTHM dan UMNO, saya diberikan rumah lebih selesa untuk menghabiskan sisa hidup yang kini menjangkau 107 tahun," katanya selepas majlis penyerahan kunci ru-

mahnya di sini semalam.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, rumah baharu milik Mahfoz merupakan yang kedua dibina hasil kerjasama UTHM, sukarelawan mahasiswa dan masyarakat setempat.

"Dengan kerjasama ini, kita dapat menjimatkan perbelanjaan kepada hanya RM50,000 kerana banyak kerja pembinaan dan mengecat dilakukan dengan kerjasama mahasiswa UTHM.

"Selain itu, projek seperti ini juga dapat menyemarakkan semangat sukarelawan IM4U dalam kalangan mahasiswa dan merupakan latihan praktikal bagi pelajar jurusan yang berkait rapat," katanya.

Bagi Ketua UMNO Bahagian Ayer Hitam, Datuk Samsol Bari Jamali pula, penglibatan UTHM dalam membantu penduduk amat dialu-alukan bagi memupuk kemesraan antara penduduk dengan kakitangan dan mahasiswa universiti itu.

Menurutnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semarang, selain UTHM, pihaknya turut mengalu-alukan pihak lain untuk mengadakan pelbagai program dan aktiviti bersama penduduk Ayer Hitam.



MOHD. Noh Dalimin (kiri) beramah mesra dengan Makfoz Sidik yang memiliki rumah baharu dibina oleh UTHM sambil disaksikan oleh Samsol Bari Jamali (tengah) di Parit Haji Ali, Batu Pahat, Johor, kelmarin.